

07 SEP 1998

Sabbaruddin-Pelantikan

SABBARUDDIN SIFATKAN PELANTIKAN MUSTAPA TEPAT

KUALA LUMPUR, 7 Sept (Bernama) -- Pelantikan Datuk Mustapa Mohamed sebagai Menteri Kewangan kedua adalah amat tepat, kata Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik hari ini.

Mustapa yang juga Menteri Pembangunan Usahawan berpengalaman dan pengetahun luas untuk memegang jawatan itu, katanya ketika ditemui selepas melancarkan buku "Guide to Kuala Lumpur & The Klang Valley" di sini, hari ini.

Mustapa, memegang sarjana muda ekonomi kepujian kelas satu Universiti Melbourne dan sarjana ekonomi pembangunan dari Universiti Boston, menjadi Timbalan Menteri Kewangan pada tahun 1994 sebelum dilantik menjadi Menteri Pembangunan Usahawan selepas pilihan raya 1995.

Ditanya mengapa perlunya ada Menteri Kewangan kedua, Sabbaruddin berkata: "Kenapa tidak boleh, negara lain pun ada. Lagipun dalam sistem kita, timbalan menteri tidak boleh memangku jawatan menteri kerana menteri perlu mengangkat sumpah".

Jabatan Perdana Menteri dalam satu kenyataan hari ini menyatakan bahawa Dr Mahathir menyandang Menteri Kewangan pertama manakala Mustapa, Menteri Kewangan kedua.

Sebelum itu, semasa melancarkan buku terbitan Kumpulan Sime Darby itu, Sabbaruddin berkata, penerbitan buku itu tepat pada masanya ketika negara menganjurkan Sukan Komanwel beberapa hari lagi.

Buku itu dijual pada harga RM25 senaskhah dan hasil jualan akan diberi kepada pertubuhan-pertubuhan kebajikan.

Buku tersebut, yang dicetak sebanyak 20,000 unit, boleh didapati di beberapa tempat strategik seperti di lapangan-lapangan terbang, kompleks sukan dan pusat-pusat penerangan pelancongan.

Antara lain, ia menceritakan mengenai tempat-tempat menarik di sekitar Lembah Kelang dan negeri-negeri berdekatan, dimana makanan enak tempatan boleh didapati serta nombor-nombor telefon utama di negara ini.

Di IPOH, Menteri Besar Perak Tan Sri Ramli Ngah Talib berkata pelantikan Mustapha adalah satu pelantikan yang baik dan wajar memandangkan beliau mempunyai latar belakang ekonomi dan pernah menjadi Timbalan Menteri Kewangan.

"Pelantikan beliau adalah kena pada tempatnya, dan dapat dapat memberi pertolongan dan bantuan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menangani masalah ekonomi negara," katanya.

-- BERNAMA

RA HK nmo